

## **BAHAGIAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

Bahagian Penasihat Undang-undang (PUU) melaksanakan empat (4) fungsi utama iaitu :

### **KHIDMAT NASIHAT DAN KAWAL SELIA**

- i. Memberi nasihat mengenai perkara yang baginya Kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang baru bagi mencerminkan keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan dan mengemukakan draf undang-undang kepada Penggubal Undang-undang Parlimen untuk mendapatkan kelulusan
- ii. Menggubal, menyemak dan meminda undang-undang (Akta, Peraturan-peraturan dan Perintah) dibawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan kelulusan Jabatan Peguam Negara atau menteri sebelum diwartakan
- iii. Menyedia/menyemak/meneliti/menyiapkan draf perjanjian/persafahaman (MOU), kerjasama dan kontrak diantara Jabatan Imigresen dengan pihak-pihak berkepentingan
- iv. Menyediakan jawapan kepada aduan umum berkaitan aspek perundangan bagi pihak Jabatan Imigresen
- v. Membuat penyelidikan atau kajian mengenai perkara isu undang-undang apabila dikehendaki oleh Kerajaan dan mencari penyelesaian bagi masalah-masalah perundangan yang dibangkitkan
- vi. Menyemak kes-kes tatatertib di peringkat Jabatan

## **MAHKAMAH DAN PENDAKWAAN**

- i. Memutuskan jenis kesalahan kes dakwa, termasuklah mempertimbangkan sebarang rayuan terhadap kes-kes tangkapan yang menyalahi Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, ATIPSOM 2007 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963
- ii. Menyemak dan menentukan jumlah kompaun pihak yang melakukan kesalahan dibawahnya bagi jenis kesalahan yang boleh dikompaun. Kes kertas siasatan dan kes serah diri di kaunter Imigresen
- iii. Melaksanakan auditan atau naziran terhadap pengurusan kes-kes pendakwaan, kompaun, penyimpanan dan pengurusan barang kes/ekhibit dan fail/kertas siasatan (IP) kes di seluruh Negara
- iv. Mengendalikan kes-kes bicara yang kompleks khususnya yang melibatkan tangkapan keatas majikan, kes-kes projek serta kes-kes dibawah Akta Anti Pemerdagangan dan Penyeludupan Orang 2007
- v. Menyediakan laporan statistik kes-kes Pendakwaan dan kertas siasatan yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Imigresen Malaysia

## **PENYELIDIKAN DAN GUBALAN**

- i. Menyediakan Perintah Perlantikan Ketua Pengarah Imigresen, Timbalan Ketua Pengarah dan Pegawai Kanan Imigresen, Pewartaan Pintu Masuk Udara, Darat, Laut dan Depoh Imigresen
- ii. Menyediakan dokumen pelantikan pegawai awam untuk pengkelasan surat-surat rasmi dibawah Akta Rahsia Rasmi 1982 (Akta 88)
- iii. Membuat penyelidikan dan menyediakan pandangan awal pelbagai isu termasuk isu-isu antarabangsa
- iv. Menyemak SOP dan Pekeliling-pekeliling Jabatan
- v. Menyemak MoU Antarabangsa sebelum dihantar ke Bahagian Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara
- vi. Menguruskan permohonan *Mutual Legal Assistance & Extradition*

## **KES SIVIL JABATAN**

- i. Menyemak dan menyediakan ulasan awal berkaitan surat tuntutan atau saman yang diterima seperti kes-kes kemalangan yang melibatkan kenderaan Jabatan
- ii. Menyediakan fakta kes, dokumen, saksi dan lain-lain bagi membantu persediaan kes-kes civil